

**NO. SOALAN : 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Rumah Mampu Milik seperti di bawah Skim Perumahan 1 Malaysia di kawasan Parlimen Tanjong Malim untuk dimiliki oleh golongan muda, dan golongan yang berpendapatan rendah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, PR1MA sedang rancak melaksanakan mandat Kerajaan ke arah memastikan 160,000 unit rumah yang disasarkan bagi tahun 2013 dan 2014 tercapai. Alhamdulillah Anggota Perbadanan PR1MA setakat ini telah meluluskan sebanyak 97,887 unit perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti di seluruh negara. Untuk negeri Perak, sebanyak 4,664 unit rumah PR1MA yang akan dibina. Walau bagaimanapun projek-projek tersebut masih lagi di dalam peringkat perancangan dan pembinaan. Setakat ini tiada sebarang rancangan pembinaan rumah PR1MA di Tanjung Malim. Namun begitu PR1MA sedia mengkaji permintaan dan keperluan penduduk setempat untuk sebarang rancangan pembinaan pada masa depan.

Sasaran PR1MA ialah untuk menyediakan perumahan yang berkualiti dan selesa di kawasan bandar dan pinggiran bandar di seluruh Malaysia. PR1MA merupakan salah satu manifestasi Kerajaan yang peka akan isu yang dialami golongan sederhana di mana kos sara hidup dan harga rumah semakin meningkat. Perumahan PR1MA dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke atas dan mempunyai pendapatan isi rumah di antara RM2,500 sehingga RM10,000 sebulan. PR1MA menggalakkan semua rakyat Malaysia yang memenuhi syarat kelayakan supaya mendaftar melalui laman web [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) untuk mendapatkan rumah PR1MA.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]**

**SOALAN : 68**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjung Malim ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang berkesan untuk menjadikan Lapangan Terbang Ipoh sebagai sebuah lapangan terbang yang aktif, supaya ia dapat membantu untuk menjana pembangunan ekonomi Negeri Perak Darul Ridzuan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan beroperasi di mana-mana lapangan terbang, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah menyediakan beberapa insentif kepada syarikat penerbangan melalui '*Airline Incentive Programme*'.

Antara insentif yang ditawarkan untuk menggalakkan pertumbuhan penumpang ("passenger growth") ialah pengecualian caj parkir pesawat dan rebat untuk syarikat penerbangan yang baru bermula operasi serta pengecualian untuk syarikat penerbangan yang sedia ada.

Walaubagaimanapun, keputusan komersil untuk beroperasi di Lapangan Terbang Ipoh adalah bergantung kepada permintaan pasaran syarikat-syarikat penerbangan itu sendiri.